

15 MAR 1999

Mahathir-perbicaraan

DR MAHATHIR TERKEJUT PERBICARAAN ANWAR PANJANG

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dia terkejut dengan masa yang diambil untuk perbicaraan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar, yang memasuki hari ke-72 hari ini.

"Saya tidak terkejut dengan perkara yang dikemukakan dalam perbicaraan, tetapi terkejut dengan prosiding kerana tidak pernah dalam sejarah perbicaraan begitu lama, dengan sembilan peguam bela, dan liputan perbicaraan seumpama itu tidak pernah berlaku sebelum ini di Malaysia.

"Itu yang mengejutkan saya, dan apa yang paling mengejutkan saya, kita dituduh tidak mengadakan perbicaraan yang adil. Saya tidak tahu apa dia perbicaraan adil, jika itu bukan perbicaraan yang adil, katanya semasa menjawab soalan dalam temu bual dengan perkhidmatan berita Bloomberg.

Temu bual itu dibuat selepas beliau merasmikan pejabat baru Bloomberg Malaysia di Menara Berkembar Petronas Sabtu lepas, sebahagian temu bual itu disiarkan oleh Bloomberg hari ini.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau berasa lega kerana tidak dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah berkaitan kes Anwar.

"Saya berpendapat adalah baik bagi saya untuk memberi keterangan. Saya mahu memberikan keterangan. Mereka (peguam Anwar) bertanya dan mahukan jawapan daripada saya secara bertulis. Saya berpendapat yang saya tulis tidak akan mencukupi. Saya perlu bercakap di mahkamah dan menjelaskan apa sebenarnya berlaku, kerana satu daripada soalan itu berkaitan bagaimana saya percaya (apa yang didakwa dilakukan oleh Anwar). Itu adalah proses yang panjang yang mana saya tidak dapat tuliskan di atas kertas," katanya.

Apabila ditanya sama ada keputusan pilihan raya Sabah yang baru berakhir akan mempengaruhi pilihan raya umum yang akan diadakan, Dr Mahathir berkata adalah biasa orang menjangkakan keputusan itu akan menjadi petunjuk dalam pilihan raya umum yang akan datang.

"Saya tidak fikir ia mempunyai banyak pengaruh terhadap pilihan raya umum.. tetapi tanggapan orang, mereka suka menganggapnya sebagai ujian kepada Malaysia," katanya.

Pilihan raya umum yang lalu diadakan pada tahun 1995 dan tempohnya tamat pada April tahun depan.

Ditanya bagaimana dirinya di masa depan, memandangkan beliau sekarang 73 tahun dan memegang jawatan perdana menteri selama 18 tahun, Dr Mahathir berkata di merancang untuk bersara tahun lepas, tetapi tidak dapat berbuat demikian memandangkan "timbangan saya (Anwar) mengecewakan saya."

"Tetapi saya berharap untuk bersara tidak lama lagi memandangkan saya telah memikul tanggungjawab dan memperbaiki keadaan, sebelum menyerahkan tugas kepada pengganti saya," katanya.

Ditanya sama ada beliau mempunyai masalah hubungan awam antarabangsa, Dr Mahathir menjawab: "Kita berharap Bloomberg akan membantu menyelesaikan masalah itu."

-- BERNAMA

RA YBY RI